

NO. SOALAN: 161

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
[SIPITANG]**

RUJUKAN : 8016

SOALAN:

Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah diambil Kerajaan untuk membendung penularan kegiatan ekstremis dalam kalangan rakyat negara ini dan berapa ramai sudah dikenakan tindakan akibat terbabit dengan kegiatan kumpulan militan.

JAWAPAN:

Dalam membendung penularan kegiatan kumpulan militan di kalangan rakyat negara ini, Kementerian Dalam Negeri melalui Polis DiRaja Malaysia telah mengambil beberapa inisiatif. Antaranya adalah dengan mengadakan kerjasama dengan agensi-agensi perisikan luar negara melalui perkongsian maklumat risikan untuk mengenalpasti individu-individu yang disyaki terlibat dengan kegiatan kumpulan militan untuk dipantau dan dijejaki oleh pihak polis.

Pada masa yang sama, nama individu-individu yang disyaki sebagai pengganas yang diperolehi hasil daripada perkongsian maklumat ini juga akan dipanjangkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk disenaraihitamkan dan dimasukkan ke dalam Senarai Syak Jabatan (*Suspect List*) bagi mengesan pergerakan mereka di semua pintu masuk utama seluruh negara.

Kerajaan juga sedang dalam usaha untuk melaksanakan *Advanced Passenger Screening System (APSS)* yang merupakan saringan awal ke atas pelancong untuk memasuki negara ini sebelum berlepas daripada negara asal. Ini untuk memastikan bahawa setiap warganegara asing dapat ditapis dengan lebih awal dan terperinci.

Dalam masa yang sama, Kerajaan dengan kerjasama Badan Bukan Kerajaan (NGO) telah menjalankan pelbagai program penerangan sebagai pencegahan melalui ceramah-ceramah, khutbah jumaat,

perjumpaan, seminar, penerangan melalui surat khabar dan lain-lain medium yang disasarkan kepada golongan-golongan tertentu bagi menerangkan konsep jihad sebenar dan bahaya fahaman ekstrim yang menjurus ke arah kegiatan militan.

Selain dari itu, Kerajaan juga telah menggubal Rang Undang-Undang Pencegahan Keganasan 2015 atau pun POTA disamping memperkasakan undang-undang sedia ada melalui pindaan Rang Undang-Undang termasuklah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) (SOSMA) 2012 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959. Kesemua Rang Undang-undang ini telah pun dibentang dan diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara dalam Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga yang lalu. Kini hanya menunggu perkenan dari Seri paduka Baginda Yang DiPertua Agong sebelum diwartakan untuk dikuatkuasakan.

Pada masa yang sama, Kerajaan juga telah menggubal Modul Pemulihan khusus bagi meneutralisasikan kumpulan militan yang akan ditahan dibawah undang-undang baru tersebut. Ini selaras dengan harapan Kerajaan untuk mengembalikan semula mereka ke pangkuan masyarakat.

Sehingga 7 Mei 2015, seramai 154 orang rakyat Malaysia telah dikesan terlibat dengan kegiatan kumpulan militan *Islamic State* (IS). Daripada jumlah tersebut, 91 orang telah berjaya ditangkap di Malaysia. Manakala selebihnya seramai 45 orang masih berada di kawasan konflik, 11 orang telah terkorban dan baki 7 orang lagi telah

kembali ke Malaysia di mana 6 orang daripadanya telah ditangkap dan seorang lagi masih dijejaki oleh pihak PDRM.